

ILTIZAM bersama EKUINAS,

sebuah Program Tanggungjawab Sosial Korporat Ekuiti Nasional Berhad, diilhamkan daripada keazaman, semangat dan kegigihan individu yang ingin mendorong pembaharuan dan merealisasikan transformasi yang berkesan.



Keusahawanan ◆ Pendidikan ◆ Komuniti

EMP Ihsan adalah sebuah program bantuan kewangan *one-off* kepada usahawan mikro yang terjejas pendapatan perniagaannya akibat pandemik COVID-19 di bawah jenama ILTIZAM dengan kerjasama entiti pengurusan Zakat di seluruh negara.

Kriteria Penerima Dana EMP Ihsan

Ciri-ciri perniagaan:

- ◆ Perniagaan dimiliki oleh Bumiputera sepenuhnya (100%)
- ◆ Perniagaan adalah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); atau mana-mana pihak berkuasa di lokaliti perniagaan pemohon
- ◆ Perniagaan dijalankan secara sepenuh masa
- ◆ Pemohon adalah usahawan asnaf / bekas asnaf / golongan B40 yang terjejas dan kehilangan pendapatan akibat pandemik COVID-19

Sektor Perniagaan:

- ◆ Permohonan adalah terbuka kepada semua jenis perniagaan dan perkhidmatan dari semua sektor ekonomi yang terjejas pendapatan akibat pandemik COVID-19.

Terma dan syarat:

Tujuan penggunaan dana EMP Ihsan adalah untuk:

- ◆ Keperluan modal perniagaan
- ◆ Modal perniagaan baru (setelah kegagalan perniagaan asal akibat impak COVID-19)
- ◆ Bantuan perbelanjaan operasi

Untuk keterangan lanjut dan memohon, sila hubungi wakil Zakat di negeri anda.